

Kes SRC

Najib mohon dilepas tanpa bebas

Peguam tegaskan tuduhan sudah 'tergantung' lima tahun setengah

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memohon dilepas tanpa dibebaskan (DNAA) daripada tiga lagi pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan dana SRC International Sdn Bhd (SRC) berjumlah RM27 juta yang dihada-

pinya di Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, mewakili Najib membuat permohonan itu selepas Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Ashrof Adrin Kamarul raemaklumkan Hakim K Muniandy bahawa keputusan representasi dihantar pihak pembelaan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) pada 31 Julai lalu masih belum diperolehi.

"Kes dikemukakan lebih lima tahun sejak 2019 dan beberapa kali disebut di mahkamah ini, oleh itu untuk tidak memprejudiskan kedua-dua pihak terutama anak guam, saya mohon mahkamah memberikan perintah DNAA mengikut Seksyen 173 Ka-



Najib di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

nun Prosedur Jenayah kerana kes langsung tidak berjalan.

“Sekiranya pendakwa raya ada keputusan berlainan pada masa akan datang, pihak pendakwaan boleh membuat keputusan untuk kes dikemukakan semula di mana kita berhenti, kes ini sudah tergantung begitu lama,” kata Muhammad Shafee.

19 Januari dengar representasi

Muniandy kemudian bertanya kepada pihak pendakwaan mengapa representasi itu mengambil masa lama diputuskan.

Mohd Ashrof menjawab, pertuduhan individu berprofil tinggi itu membabitkan banyak dokumen untuk diteliti dan ada kes

lain dihadapi Najib yang masih tertangguh serta dibicarakan.

Katanya, semua pihak bersejua tiga tuduhan terbabit hanya akan dibicarakan selepas kes penyelewengan dana SRC International RM42 juta selesai diputus, yang berakhir (selepas peringkat semakan) pada 30 Mac lalu.

“Selepas tarikh itu, kita hanya ada tiga sebutan kes, termasuk prosiding hari ini (semalam),” katanya.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, mahkamah kemudian memutuskan memberikan tarikh akhir, iaitu pada 19 Januari ini kepada pendakwaan untuk menjawab representasi berkenaan.